



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 1 Februari 2017

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENUBUHAN JAWATANKUASA BARANGAN IMPORT UNIVERSITI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa satu pekeliling telah pun dikeluarkan untuk makluman dan tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti di lampiran. Untuk makluman, pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Februari 2017**. Sehubungan dengan itu, sukacita kiranya pekeliling ini dapat diedarkan kepada kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

KHALIJAH HJ. BAKAR

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor, UKM

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM




MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2017

PENUBUHAN JAWATANKUASA BARANGAN IMPORT UNIVERSITI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai keperluan mengemukakan permohonan pembelian barangan yang diimport kepada Jawatankuasa Barangan Import Universiti untuk kelulusan sebelum proses sebutharga atau tender diuruskan.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PK 1/2013 Perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2014 dan surat edaran Kementerian Perdagangan Antarabangsang dan Industri (MITI) yang memaklumkan supaya semua jabatan/ agensi yang ingin melaksanakan perolehan bagi barangan yang diimport tidak perlu mengemukakan permohonan kepada MITI. Sehubungan dengan itu, jabatan/ agensi perlu mengenalpasti barangan yang diimport dan memastikan barangan tersebut tidak dikeluarkan oleh syarikat tempatan.

3. Bagi mematuhi pekeling yang telah berkuatkuasa ini, Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu memastikan setiap permohonan pembelian barangan mestilah disemak status barangan tempatan atau diimport sebelum proses perolehan dilakukan. Bagaimanapun, selaras dengan prinsip perolehan kerajaan, PTj adalah digalakkan untuk melaksanakan perolehan secara tempatan dan memberi keutamaan kepada barangan keluaran tempatan.

4. Universiti telah menubuhkan satu Jawatankuasa Barangan Import yang akan menilai dan memberi pertimbangan ke atas permohonan pembelian dari PTj. Pembelian ini akan diluluskan oleh Pegawai Pengawal.

TAFSIRAN

5. **'Barangan Import'** adalah peralatan, barangan siap, atau komponen yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- 4.1 Nilai perolehan melebihi RM 50,000.00 bagi setiap item;
- 4.2 Bahan-bahan binaan;
- 4.3 Peralatan bagi kegunaan industry pembinaan dan jentera/ mesin; atau
- 4.4 Perkakasan ICT

PELAKSANAAN

6. Unit Perolehan, Jabatan Bendahari adalah urusetia kepada Jawatankuasa Barangan Import Universiti ini. PTj yang ingin membuat pembelian barangan yang diimport perlu memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- 5.1 Menyediakan spesifikasi barang yang ingin dibeli
- 5.2 Membuat semakan status barangan tempatan atau import. Semakan status boleh di buat melalui:
 - i. merujuk terus kepada portal agensi yang telah disenaraikan oleh MITI seperti di **Lampiran 1**; atau
 - ii. melalui kaedah/ mekanisme lain sebagaimana yang diperkenalkan dan ditetapkan oleh MITI dari semasa ke semasa.
- 5.3 Mengemukakan permohonan pembelian dengan mengisi borang **UKM-SPKP-BEN-PK02-BO27 Borang Permohonan Perolehan Barangan Import** seperti di **Lampiran 2** dengan lengkap beserta dengan maklumat sepertimana perkara 5.1 dan 5.2 ke Unit Perolehan.

7. Setiap permohonan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Barangan Import Universiti sebelum urusan sebutharga atau tender diuruskan.

8. Carta alir Permohonan Perolehan Barangan Import adalah seperti di **Lampiran 3**.

PENGUATKUASAAN

9. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Februari 2017**.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh menghubungi Unit Perolehan, Jabatan Bendahari di talian 03-8921 4438/ 5681.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



KHALIJAH HJ. BAKAR
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM

SENARAI PORTAL UNTUK SEMAKAN PERALATAN YANG DIKILANG/ DIPASANG OLEH SYARIKAT TEMPATAN

| Bil. | Peralatan | Agensi | Alamat Portal |
|------|---------------------------------|---|---|
| 1. | ICT | MSC Malaysia | http://www.mscomalaysia.my |
| 2. | Ubat-ubatan | Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia | http://www.npra.moh.gov.my http://www.pharmacy.gov.my |
| 3. | Peranti Perubatan | Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia | http://www.mdb.gov.my |
| 4. | Pelbagai Barangan dan Peralatan | SIRIM Sistem ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia | http://www.sirim.my http://sr.eperolehan.com.my |
| | | MARTRADE | *Sila pastikan pihak Jabatan telah berdaftar untuk mengakses portal ini. http://www.martrade.gov.my.my |
| | | SME Corp | http://www.smecorp.gov.my |
| | | MIDA | http://www.mida.gov.my |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan Perkilangan (Sumber) ii. Pembangunan Perkilangan (Bukan Sumber) <p>No Tel: 03-2267 6647 No Fax: 03-22747970 Email: investmalaysia@mida.gov.my</p> |

| | | | |
|--|------------------------|-----------------|------------------------------|
|  UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i> | UKM-SPKP-BEN-PK02-BO27 | No. Semakan: 00 | Tarikh Kuatkuasa: 01/02/2017 |
| BORANG PERMOHONAN PEROLEHAN BARANGAN IMPORT | | | |

NAMA PTJ : _____

| Bil | Nama Barangan | Negara Pembuat | Kegunaan Barang Dan Justifikasi Keperluan Untuk Mengimport | Kuantiti | Anggaran Kos Seunit (RM) | Kod Peruntukan | Catatan |
|-----|---------------|----------------|--|----------|--------------------------|----------------|---------|
| | | | | | | | |

Perakuan PTJ

- (i) Saya telah membuat semakan di Portal yang disenarai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan seterusnya memperakukan bahawa barangan-barangan yang dipelawa di atas tidak dikeluarkan oleh pengilang tempatan.
- (ii) Bersama ini disertakan spesifikasi alat yang dipohon:

| | |
|--|---|
| Tandatangan Pemohon : _____ Nama : _____ Cop : _____ Tarikh : _____ No Telefon : _____ | Kelulusan Ketua PTJ : _____ Tandatangan : _____ Nama : _____ Cop : _____ Tarikh : _____ |
|--|---|

CARTA ALIR PERMOHONAN PEROLEHAN BARANGAN IMPORT

